

# Dana Harapan institusi pelaburan baru bumiputera

UM 31/10/2003 - 2 PRECISE

**K**UALA LUMPUR 30 Okt. — Sebuah institusi pelaburan baru dikenali sebagai Dana Harapan ditubuhkan untuk memastikan sasaran pegangan 30 peratus ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara menjelang 2010 dapat dicapai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan, penubuhannya akan membawa kepada pengeluaran unit amanah yang inovatif dan usaha mengembangkan lagi peluang pelaburan untuk bumiputera.

Perdana Menteri berkata demikian pada pembentangan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Parlimen hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dibuat di atas kesedaran bahawa usaha untuk meningkatkan ekuiti bumiputera dalam tempoh akhir RMK-8 akan menjadi lebih mencabar terutamanya berikutan globalisasi dan liberalisasi pasaran yang lebih luas.



**DR. Mahathir membentangkan Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-8 pada ucapan terakhir beliau selaku Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam. Turut kelihatan Abdullah Badawi.**

“Sehubungan itu, lebih banyak usaha diperlukan untuk menyediakan peluang kepada bumiputera dalam sektor terpilih sekiranya sasaran 30 per-

ratus ekuiti menjelang tahun 2010 ingin dicapai,” katanya.

Beliau menambah, kerajaan juga akan memperkayakan sekurang-kurangnya

60 peratus daripada perolehan dan kerja kontrak dalam projek kerajaan kepada bumiputera yang menunjukkan kecekapan dan bersikap ber-

tanggungjawab dalam melaksanakan kontrak yang diberikan.

Perdana Menteri berkata, hak milik modal saham bumiputera telah meningkat kepada RM-73.2 bilion pada tahun 2002 berbanding RM63 bilion pada tahun 2000.

Peratusan ekuiti bumiputera, bagaimanapun berkurangan sedikit kepada 18.7 peratus pada tahun 2002 berbanding 18.9 peratus pada tahun 2000.

“Syarikat dan perniagaan bumiputera masih terlalu rapuh dan mudah dirosakkan oleh faktor kegawatan dan pertumbuhan ekonomi yang rendah,” kata Dr. Mahathir.

Katanya, peratusan hak milik modal saham masyarakat Cina telah meningkat kepada RM-159.8 bilion pada tahun 2002 berkembang pada kadar 11.2 peratus setahun dalam tempoh kajian semula manakala ekuiti masyarakat India meningkat hampir RM6 bilion pada tahun 2002 dengan pertumbuhan 7.6 peratus.